

25 JUL 1997

Asean-Pernyataan

ASEAN AKAN PERANGI KONSPIRASI ANTARABANGSA TERHADAP MATAWANG MEREKA

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Asean hari ini buat pertama kalinya menggesa supaya kerjasama diperhebatkan untuk memerangi satu "manipulasi matawang antarabangsa" yang bertujuan menggugat matawang Asean.

Semasa menamatkan mesyuarat tahunan mereka di sini hari ini, Menteri-menteri Luar Asean menyatakan kebimbangan yang serius terhadap apa yang mereka sifatkan sebagai "usaha-usaha terancang untuk menggugat matawang Asean bagi tujuan kepentingan sendiri sekaligus mengancam kestabilan ekonomi negara-negara Asean."

Dalam pernyataan bersama 14 muka surat yang dikeluarkan pada akhir mesyuarat dua hari Menteri Asean (AAM) ke-30, mereka menggesa bagi kerjasama Asean diperhebatkan untuk memelihara dan menggalakkan kepentingan Asean dalam hal ini.

Ini merupakan kenyataan pertama Asean ekoran serangan spekulasi yang teruk terhadap matawang Thailand, Indonesia, Filipinan, Singapura dan Malaysia sejak 2 Julai menyebabkan nilai matawang terbabit merosot berbanding dollar Amerika.

Isu matawang itu merupakan tambahan di saat-saat akhir kepada pernyataan berkenaan yang diusahakan oleh Thailand. Ia dibincangkan antara Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri-menteri Luar Asean yang mengunjunginya sebelum beliau merasmikan AMM semalam dan lantang memperkatakan mengenai perkara itu dalam ucapannya.

Dalam pernyataan itu, menteri-menteri berkenaan juga menyatakan bahawa mereka akan mengesahkan semula dengan Kemboja mengenai kedudukan Phnom Penh terhadap peranan Asean dalam membantu mencari penyelesaian damai Kemboja bagi memenuhi wawasan sebuah Asean-10.

Menteri-menteri itu bersetuju bahawa selepas pengesahan semula itu, delegasi menteri-menteri Asean diketuai Menteri Luar Indonesia Ali Alatas akan meneruskan usaha di Kemboja.

Ini berikutan kenyataan bercanggah daripada Perdana Menteri Kedua Kemboja Hun Sen dan Menteri Luar Ung Huot mengenai mandat Asean dalam usaha damai itu.

Menteri-menteri berkenaan menyatakan harapan agar keadaan di negara yang sedang dilanda masalah itu akan kembali tenang dan satu penyelesaian dapat ditemui menerusi semangat Perjanjian Damai Paris 1991.

Menteri-menteri itu yang menolak rayuan Kemboja untuk diterima masuk ke dalam kumpulan itu dua hari lepas, bersungguh-sungguh memberikan penekanan mengenai komitmen Asean terhadap dasar tidak campurtangan hal ehwal dalaman negara lain.

Mereka menegaskan bahawa Asean telah "menawarkan jasa baik kepada Kemboja berdasarkan perkembangan tidak diinginkan yang berlaku dan memikirkan minat Kemboja dalam menyertai Asean."

Sambil menyambut baik kemasukan Laos dan Myanmar sebagai anggota penuh Asean, menteri-menteri itu menggesa rakan-rakan dialog Asean yang termasuk Amerika Syarikat, Jepun dan Kesatuan Eropah supaya memberikan status yang sama dari segi kerjasama mereka kepada semua negara anggota Asean.

Negara-negara Asean lain akan meneruskan komitmen mereka untuk membantu Laos dan Myanmar diintegrasikan ke dalam arus perdana Asean yang merupakan antara rantau yang pesat membangun dari segi ekonomi.

Dalam pernyataan yang meliputi pelbagai isu politik dan ekonomi, menteri-menteri itu turut berharap Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang diilhamkan Malaysia pada 1990 akan segera dibentuk secara rasmi

memandangkan meningkatnya kerjasama di kalangan bakal anggotanya.

Ia juga menyatakan kebimbangan mengenai kewujudan trend negara, wilayah dan pihak berkuasa tempatan lain di negara-negara luar Asean yang cuba mengenakan sekatan dagangan terhadap negara-negara lain atas dasar dakwaan pencabulan hak asasi manusia dan isu-isu yang tiada kaitan dengan dagangan.

Menteri-menteri itu berkata sistem perdagangan antarabangsa akan menjadi lemah jika trend itu berterusan dan menggesa semua kerajaan mematuhi peraturan Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO).

Mereka menyokong kemasukan Vietnam ke dalam WTO dan forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) dan menyatakan kesediaan untuk membantu Vietnam menyiapkan diri menjadi anggota. Vietnam menyertai Asean pada 1995.

Asean kini dianggotai Malaysia, Thailand, Singapura, Indonesia, Brunei, Filipina, Vietnam, Laos dan Myanmar.

Lain-lain sorotan penting pernyataan itu ialah:

#### ASEAN

\* Ucapjasa Asean, satu bentuk pengiktirafan tertinggi dalam Asean akan dianugerahkan kepada lima penandatangan Perisytiharan Asean (Bangkok) 1967. Ia akan mengandungi sebuah pingat emas dan satu ucapjasa yang ditandatangani oleh semua ketua-ketua kerajaan Asean;

#### ISU-ISU POLITIK DAN KESELAMATAN

\*Menggesa kuasa-kuasa nuklear supaya menyetujui Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANFWZ) bagi menyatakan sokongan mereka terhadap zon bebas senjata nuklear;

\*Menyegerakan penggubalan pindaan terhadap Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara (TAC) bagi memudahkan penyekutuan dengan TAC negara-negara bukan Asia Tenggara;

\*Forum Serantau Asean (ARF) akan digerakkan daripada peringkat pembinaan keyakinan ke arah diplomasi pencegahan; Asean akan kekal menjadi penggerak utama proses ARF;

#### ISU-ISU SERANTAU DAN ANTARABANGSA

\*Menggesa masyarakat antarabangsa untuk meringankan krisis serius makanan di Korea Utara;

\*Meminta Israel mengambil langkah-langkah dan penghentian segera pembinaan penempatan baru di Jabal Abu Ghaeim, Selatan dari Baitulmaqdis Timur yang diduduki, dan lain-lain kegiatan penempatan Israel, serta kesemua langkah-langkah dan tindakan haram di Baitulmaqdis;

\*Menggesa bagi pelaksanaan penuh Perjanjian Damai Dayton mengenai Bosnia Herzegovina serta membawa ke muka pengadilan penjenayah perang, dan bahawa masyarakat antarabangsa untuk terus membantu dalam pembinaan semula negara Balkan itu;

\*Menegaskan bahawa anggota tetap baru diberi hak yang sama seperti anggota tetap yang sedia ada dan bersetuju bahawa penggunaan kuasa veto harus dikurangkan sebelum akhirnya dihapuskan; kajian semula berjadual Majlis Keselamatan;

\*Menggesa pelaksanaan secara berkesan Perjanjian Menghalang Penggunaan Nuklear dan pengesahan secepat mungkin negara-negara utama Perjanjian Larangan Ujian Komprehensif;

#### ISU-ISU EKONOMI

\*Mengulangi komitmen sistem rantau terbuka dan pelbagai hala;

\*Perlunya menggalakkan peningkatan perdagangan antara rantau, aliran pelaburan dan teknologi dan menyatukan sektor-sektor swasta Asean dan kumpulan serantau seperti Nafta, Pasaran Bersama Selatan Amerika (Mercosur)

terdiri daripada Argentina, Brazil, Paraguay dan Uruguay, Persatuan Kawasan Dagangan Bebas Eropah dan Masyarakat Pembangunan Selatan Afrika.

\*Memuji usaha-usaha baru untuk mencapai persaingan dalam pengeluaran makanan termasuk Garispanduan Am bagi Penyediaan dan Pengendalian Makanan Halal dan untuk meningkatkan lagi perdagangan makanan antara Asean;

\*Mengadakan rundingan meja bulat Asean mengenai multimedia;

\*Menyokong satu penghuraian awal rangka kerja Kerjasama Asia-Eropah yang menggariskan prinsip dan mekanisme bagi kerjasama dalam bidang-bidang yang dipersetujui.

#### KERJASAMA FUNGSIAN

\*Sebuah Yayasan Asean harus ditubuhkan bagi menggalakkan kesedaran Asean dan menumpukan perhatian kepada pembangunan tidak seimbang, kemiskinan dan perbezaan sosio-ekonomi;

\*Satu anugerah Asean diwujudkan dan diberikan kepada individu dan pertubuhan sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan yang cemerlang; anugerah itu akan diberikan setiap tiga tahun sekali semasa sidang kemuncak Asean bermula dengan sidang kemuncak Asean keenam di Vietnam pada Disember 1998;

\*Menyokong penubuhan Pusat Serantau Asean bagi Pemuliharaan Biokepelbagaian di Filipina sebagai projek utama sempena ulangtahun ke-30 Asean;

\*Mengesakan bagi pendekatan kreatif dalam kerjasama sains dan teknologi, menggalakkan kerjasama yang lebih erat sektor swasta dan awam serta meneruskan kerjasama aktif dengan rakan-rakan dialog Asean;

\*menggalakkan kajian untuk membangunkan saluran satelit Asean.

-- BERNAMA

TM RON